

# BULETIN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UKKP UNIMAP

OGOS 2010



## Mengapa Perlu Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan?

**Objektif utama penubuhan jawatankuasa ini di dalam organisasi :**

- Menumpukan kerjasama dan khidmat nasihat di antara pihak pengurusan dan pekerja untuk mengenalpasti, menilai dan mengawal bahaya di tempat kerja.
- Saluran komunikasi untuk bertukar pendapat atau idea bagi menyelesaikan masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Untuk meningkat minat, motivasi dan penglibatan semua kumpulan kerja di tempat kerja antara pihak pengurusan dan pekerja berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

### 1 ) Merujuk kepada seksyen 30 akta OSHA :

Tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan di tempat kerja sekiranya :

- Terdapat lebih **40 orang** atau lebih di tempat kerja.
- Diarah oleh Ketua Pengarah JKKP

( Kegagalan ini boleh dikenakan penalti sehingga RM 5,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali).

**2) Sesuatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan hendaklah terdiri daripada :**

- a) Seorang pengerusi.
- b) Seorang setiausaha
- c) Wakil-wakil majikan dan
- d) Wakil-wakil pekerja

**3) Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah :**

- a) Membantu di dalam penyediaan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan dalam sistem kerja.
- b) Menjalankan pemeriksaan di tempat kerja dan mencadangkan tindakan pencegahan dan pembedahan jika terdapat risiko.
- c) Menjalankan siasatan kemalangan dan aduan
- d) Membantu menganjurkan program ceramah kesedaran dan pendidikan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- e) Berbincang laporan atau perkara dari pegawai keselamatan, pihak berkuasa dan lain-lain hal.
- f) Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi apa-apa penyempurnaan dasar itu.

### **Akhirkata**

Hendak belayar ke Teluk Betong,  
Sambil mencuba labuhkan pukut,  
Bulat air kerana pembedahan,  
Bulat manusia kerana muafakat.



Disediakan oleh :

ISHAK BIN JAINOO  
August 2010

*Rujukan : (Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Dan Peraturan-Peraturan)*